

PERSONALITI

Contohi Kepemimpinan Rasulullah

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur



Penghayatan terhadap kepemimpinan Rasulullah SAW mendorong Nurul Atika Mohammad Shafii, 21, memasang impian mencontohi baginda dalam memikul tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar.

Bakatnya itu diasah sejak zaman pendidikan rendah hinggalah terbaru memegang jawatan Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), selepas memperoleh mandat pada pemilihan baru-baru ini.

Mengimbas kembali, pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan itu berkata, beliau bermula dengan melatih diri bersuara dalam kumpulan kecil seperti usrah di sekolah dan pembentangan di kelas, selain menyertai pelbagai kem kepemimpinan.

"Sedikit demi sedikit, saya melatih diri untuk tampil di hadapan kelompok lebih besar seperti dalam kuliah dan sudut pidato. Kepemimpinan mengajar saya banyak perkara, terutama dari segi pengurusan masa dan kemahiran pengucapan awam," katanya.

Cabaran berbeza

Bagaimanapun, Nurul Atika berkata, peranan sebagai pemimpin pelajar di sekolah, matrikulasi serta universiti berbeza

“**MAHASISWA SEBAGAI EJEN TRANSFORMASI HARUS MAMPU MENCORAKKAN PERSEKITARAN LEBIH MATANG UNTUK MASYARAKAT LUAR**”

kerana membabitkan golongan dan suasana institusi yang berlainan.

Sebagai contoh di matrikulasi, anak kedua daripada sembilan adik-beradik itu berkata, beliau berdepan dengan rakan pelajar majmuk, manakala di USIM pula kesemuanya berlatar-belakangkan pendidikan agama Islam.

"Sehubungan dengan itu, cabarannya berbeza dan saya perlu belajar menyesuaikan diri meliputi aspek gaya kepemimpinan serta pembawaan.

"Dari segi memupuk keyakinan diri sebagai pemimpin pelajar, saya berpendapat semua orang dalam proses belajar, justeru saya tidak perlu takut dan juga ingin belajar," katanya.

Sumber kekuatan

Nurul Atika berkata, tempoh pengajian di universiti menyediakan ruang untuk pelajar bersiap siaga menghadapi cabaran selepas kehidupan kampus.

Baginya, pengorbanan dan kesudahan hidup yang ditempuhi umi, Masita Bahar, dan abah, Mohammad Shafii Abdul Ghani, menjadi sumber kekuatan utama untuk beliau sentiasa ingin membanggakan mereka.

Ditanya mengenai politik kampus pula, beliau berkata, mahasiswa sebagai ejen transformasi harus mampu mencorakkan persekitaran lebih matang untuk dicontohi masyarakat luar.

"Semoga generasi akan datang lebih berani dalam mencorakkan politik kampus dan benar-benar membawa suara pelajar kerana menggalas kepemimpinan MPP bukanlah penghormatan yang perlu dibangga-banggakan tetapi suatu perjuangan," katanya.

PROFIL

Nama: Nurul Atika Mohammad Shafii
Tarikh lahir: 16 Disember 1993
Asal: Kluang, Johor
Pengajian: Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian), USIM
Moto: Hidup terlalu singkat untuk sekadar menjadi biasa-biasa
Pencapaian:
● Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelajar Pusat Islam Matrikulasi, Kolej Matrikulasi Johor
● Timbalan Ketua Fasilitator Minggu Pengurusan Pelajar Baharu, Kolej Matrikulasi Johor

- Anugerah Dekan dalam setiap semester dan purata nilai gred kumulatif terkini 3.74
- Pendebat Bahasa Melayu, Piala Naib Canselor USIM
- Bendahari Biro Pembangunan Insan JAKSA KK1, 2012/2013
- Timbalan EXCO Kerohanian, Persatuan Kaunseling Malaysia
- EXCO Kerohanian dan Kepimpinan, Persatuan Mahasiswa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan sesi 2013/2014
- Timbalan Yang Dipertua MPP USIM sesi 2014/2015 tamat

SISWA PILIHAN



PROFIL

Nor Atika Abd Halim

Tarikh lahir: 7 Julai 1992

Asal: Sibul, Sarawak

Pengajian: Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kesusasteraan Melayu) Dengan Kepujian, UPSI

Idola: Tun Dr Mahathir Mohamad

Hobi: Menonton wayang, merakam gambar, melancong dan mendengar muzik

Facebook: Tieqa Lovie Dovie

Ikuti cara orang Korea

Tanjung Malim: Walaupun sedang mendalami pengajian Kesusasteraan Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Nor Atika Abdul Halim, 22, amat mengagumi pelbagai aspek berkaitan masyarakat Korea.

Dek minatnya itu, Nor Atika banyak melayari internet untuk mencari maklumat mengenai kebudayaan, pakaian tradisional, komik, artis, lagu, tempat menarik dan drama terbaharu keluaran negara berkenaan.

Bukan taksu tetapi beliau sekadar ingin mencontohi semangat dan kemajuan dicapai masyarakat Korea dalam pelbagai bidang.